

NO. SOALAN: 416

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN  
CHUA [ BATU ]**

**SOALAN :**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan apakah status pengenalan lesen perniagaan  
untuk perkhidmatan *e-hailing* seperti Uber dan Grabcar sebagai  
kenderaan awam. Pada masa ini, berapa bilangan pemandu dan  
penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini. Sila nyatakan  
mengikut syarikat dan bandar.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) belum mempunyai maklumat rasmi mengenai data pemandu perkhidmatan *e-hailing* seperti UBER dan Grab kerana pemandu-pemandu ini masih belum berlesen atau berdaftar dengan SPAD. Ini kerana penyedia perkhidmatan *e-hailing* sedang dalam proses mendaftar dan berkongsi semua maklumat dengan SPAD selaras dengan langkah kawal selia ke atas perkhidmatan ini melalui pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

2. Pindaan akta tersebut akan memberikan SPAD kuasa untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing* yang akan membolehkan SPAD untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan operasi *e-hailing* bagi tujuan perancangan dan kawal selia serta maklumat pemandu. Ini kerana selain daripada penyedia perkhidmatan, pemandu-pemandu *e-hailing* juga perlu berdaftar dengan SPAD.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 417

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN  
CHUA  
(BATU)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa unit Kapal Misi Littoral (LMS) yang telah dibeli dari China dan pada harga apa. Bilakah anggaran penghantaran kapal-kapal ini ke Malaysia. Sila nyatakan perbezaan kos operasi LMS berbanding Kapal Pertempuran Littoral (LCS).

**JAWAPAN:**

Nilai kontrak perolehan 4 buah kapal Littoral Mission Ship (LMS) ialah sebanyak RM 1.17 bilion. Tarikh jangkaan siap bagi kapal- kapal tersebut adalah seperti berikut :

- a. LMS 1 - pada tahun 2019;
- b. LMS 2 – pada tahun 2020; dan
- c. LMS 3 dan LMS 4 – pada tahun 2021.

Jangkaan kos operasi bagi LMS adalah lebih murah jika dibandingkan dengan kos operasi Littoral Combatant Ship (LCS).